

## **TEKS UCAPAN SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI 1442H**

### **NAIB CANSELOR**

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Walillah Hil Hamd

Ramadhan, bulan kemuliaan yang penuh keberkatan dan kerahmatan bakal berlalu pergi dengan segala ibadah yang tidak ternilai bagi memupuk diri sentiasa mengasihi Allah SWT. Kini bahang kemeriahian Syawal semakin terasa.

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri 1442 Hijrah khasnya kepada ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti, pengurusan tertinggi Universiti, warga kerja, siswa dan siswi, rakan-rakan strategik universiti, dan seluruh warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka serta Muslimin dan Muslimat. Semoga Aidilfitri yang bakal menjelang tidak lama lagi akan membawa cahaya kegembiraan di dalam hidup anda semua.

Marilah kita memanfaatkan hari perayaan sebegini dengan meneruskan amalan-amalan murni dan mengukuhkan permuafakatan sesama kita dan ikatan muhibah seluruh rakyat berbagai agama dan bangsa. Dalam kemeriahian Syawal ini, ingatlah bahawa perjuangan kita menentang COVID 19 masih belum berpenghujung. Justeru itu, saya ingin berpesan kepada semua dan diri saya sendiri, untuk terus patuh kepada SOP dan arahan-arahan yang ditegaskan oleh MKN dan pihak Universiti sendiri. Teruskan amalan norma baharu, sentiasa menjaga kesihatan dan kebersihan diri dengan sebaik-baiknya.

Akhir kata, saya ingin menyusun sepuluh jari memohon kemaafan zahir dan batin bagi pihak diri saya serta keluarga di atas apa juu kesalahan, mahupun

kesilapan yang dilakukan. Mudah-mudahan kita termasuk di dalam golongan yang mendapat petunjuk dari Allah SWT dan syafaat dari Rasulullah SAW serta memperoleh kemenangan di atas kekuatan iman dan ketaqwaan yang dimiliki.

Kian berlabuh tirai Ramadhan,  
Lambaian Syawal kian dinanti,  
Luhur hati ikhlas kemaafan,  
Semoga kesalahan dimaafi.

Salam Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin